

06 NOV 1999

Mahathir-Deepavali

SIKAP TOLERANSI PERLU DIKEKALKAN UNTUK JAMIN KEHARMONIAN

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap rakyat akan berusaha mengekalkan sikap toleransi yang telah sekian lama dipupuk dan dipraktikkan kerana ia akan menjamin keharmonian antara kaum dan kesejahteraan negara.

Dalam perutusan sempena Hari Deepavali yang akan disambut esok, Perdana Menteri mahu rakyat mengambil iktibar dan bersyukur atas nasib baik yang mereka perolehi sebagai rakyat negara ini.

Beliau berkata sambutan Deepavali tahun ini lebih meriah berbanding dua tahun lepas kerana Malaysia telah bebas daripada kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini sejak tahun 1997.

Rakyat harus berbangga kerana segala langkah yang diambil untuk mempertahankan ekonomi daripada dimanipulasi oleh pedagang matawang dan spekulator saham adalah hasil daripada usaha dan cara Malaysia sendiri.

"Ramai yang telah meramal bahawa negara kita akan porak-peranda disebabkan langkah kawalan matawang dan pasaran modal yang telah kita perkenalkan.

"Tetapi nyata dakwaan dan jangkaan mereka salah sama sekali dan langkah-langkah yang diambil kerajaan sebaliknya telah berjaya menangani kegawatan ekonomi sehingga mereka yang mengkritik kita terpaksa mengakui kejayaan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah berjaya mempertahankan negara dan rakyat daripada kehancuran pada ketika sesetengah negara lain mengalami keadaan yang buruk akibat serangan ke atas ekonomi mereka.

"Rusuhan, ketegangan antara kaum, kekurangan makanan dan pekerjaan, semua ini berlaku dengan sekelip mata dan berleluasa," katanya mengenai kesan kegawatan ke atas beberapa negara lain.

Beliau berharap rakyat akan saling kunjung mengunjung antara satu sama lain dan meraikan rakan-rakan yang menyambut perayaan itu serta menggunakan peluang untuk mengeratkan hubungan.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali juga mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali dengan harapan semoga perayaan cahaya yang menjadi simbol kemenangan pihak yang baik ke atas pihak lawan akan disambut dengan lebih meriah lagi.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam satu perutusan serupa berkata rakyat Malaysia adalah contoh yang unik kepada dunia dengan sikap toleran, persefahaman dan masyarakatnya yang berfikiran terbuka yang telah membolehkan negara menikmati keamanan, kemakmuran, kestabilan dan keharmonian.

"Rakyat Malaysia tidak patut lupa keunikan mereka sebagai warga Malaysia -- hasil daripada pertemuan pelbagai pengalaman budaya yang berbeza di negara ini," katanya sambil menggesa rakyat supaya sentiasa memelihara diri daripada faktor-faktor dalaman dan luar negara yang boleh menjejaskan keunikan mereka.

Katanya dengan sokongan dan kerjasama semua rakyat Malaysia dan kepimpinan yang berkebolehan, negara telah mampu untuk maju dengan pesat menjadi negara membangun dan dikenali antarabangsa kerana kejayaannya yang mengagumkan.

Bagaimanapun Gerakan menggesa semua rakyat Malaysia supaya tidak terus berpuashati sebaliknya perlu berusaha ke arah menjadikan negara ini sebuah

negara yang adil, saksama, progresif dan demokratik selaras dengan Wawasan 2020.

Dalam mengucapkan Selamat Hari Depavali kepada semua penganut Hindu, Gerakan mendoakan kesejahteraan, kemakmuran, keamanan dan keharmonian semua rakyat Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

MNY RON